

01 DEC 1996

Asean-jiran (fokus berita)

PERSETUJUAN BERHEMAT ASEAN TERHADAP KEMASUKAN MYANMAR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

JAKARTA, 1 Dis (Bernama) -- Asean, tanpa mempedulikan tekanan Barat yang menentang kemasukan Myanmar, telah membuat keputusan yang berhemat untuk membawa kesemua sepuluh negara Asia Tenggara ke dalam barisannya.

Para pemimpin Asean bersetuju supaya Myanmar diterima masuk sebagai anggota bersama Laos dan Kemboja.

Sungguhpun masa sebenar belum lagi ditetapkan, untuk membawa bersama ketiga-tiga negara berkenaan merupakan perkara penting bagi Asean untuk mencapai matlamat "Asean 10" secara serentak sebelum penghujung abad.

Beberapa negara Eropah dan Amerika Syarikat cuba mengenakan tekanan ke atas Asean supaya mengambil pendirian lebih tegas ke atas Myanmar kerana rekod hak asasi manusianya tetapi kumpulan itu memilih mengadakan dasar terbaik-baik - membina jambatan ekonomi dan politik dengan Myanmar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan satu tamparan apabila beliau berkata negara-negara lain tidak ada untuk menentukan masa depan Asean termasuk soal keanggotaannya.

Keputusan untuk menerima masuk ketiga-tiga negara itu juga berjaya menghapuskan spekulasi bahawa Asean, yang menyambut ulangtahun ke-30 tahun depan, mempunyai perbezaan berhubung kemasukan Myanmar.

Para pemimpin dan pegawai Asean berkata tiada masalah mengenai isu itu kerana "semua pihak bersetuju Myanmar harus menjadi anggota penuh Asean."

"Apapun bentuk perbezaan yang ada pada masa lalu ialah mengenai masa, iaitu masa sebenar bila Myanmar akan masuk," kata Menteri Luar Indonesia Ali Alatas.

Para pemimpin Asean yang mengadakan sidang kemuncak tidak rasmi selama sehari di sini bersetuju untuk meminta badan-badan Asean yang tertentu supaya meneruskan tindakan-tindakan prosedur dan teknikal sebelum ketiga-tiga negara dapat menyertai.

Buat sementara waktu, negara-negara itu boleh mengambil bahagian dalam aktiviti Asean.

Negara-negara berkenaan perlu melalui proses teknikal tertentu dalam Asean. Ini termasuk kapasiti dan kemampuan ekonomi mereka untuk memenuhi keperluan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) -- mengurangkan tarif dan menghapuskan sekatan bukan tarif dan soalan-soalan pelaburan.

Ini bermakna Asean akan mengkaji kedudukan ekonomi ketiga-tiga negara, kadar tarif mereka dan struktur ekonomi.

"Vietnam telah melalui, Kemboja dan Laos juga sedang melaluinya dan kini Myanmar pula akan melalui proses itu," kata Alatas. Vietnam menjadi anggota penuh pertubuhan itu tahun lepas.

Menteri Luar Myanmar Ohn Gyaw berkata negara itu telah menukar sistem politiknya serta ekonomi dan sosial.

"Dengan berbuat demikian, kami bersedia untuk mengambil bahagian dalam hal-hal rantau ini seperti mana negara-negara lain mahu kami berbuat demikian dan seperti juga kami mahu lakukan terhadap negara-negara lain di rantau Asia tenggara," katanya.

Para pemimpin Kemboja, Laos dan Myanmar, yang diundang menghadiri sidang tidak rasmi itu, berjaya meningkatkan kefahaman mereka mengenai Asean apabila mereka diberi penerangan menyeluruh mengenai Asean semasa mereka melawat sekretariat Asean.

Dr Mahathir berkata Asean perlu meneruskan dasar mengadakan hubungan konstruktif dengan Myanmar kerana ia telah membawa banyak perubahan kepada negara itu.

"Ia kini lebih terbuka, ia lebih bersedia untuk menerima pelaburan terus asing, ia mempunyai hubungan dengan Asean berbanding sebelum ini ia lebih memencil, dengan mengamalkan sosialisme bentuk sendiri," katanya.

Malah ini adalah benar kerana baru-baru ini Myanmar melancarkan "Tahun Melawat Myanmar" - usaha keras kerajaan negara itu untuk menarik kira-kira setengah juta pelancong asing dalam masa 12 bulan.

Para pegawai Myanmar berkata "Tahun Melawat Myanmar" adalah bagi membolehkan pelancong asing melihat keadaan sebenar di negara itu.

"Datanglah ke Myanmar," Menteri Perancangan Negara dan Pembangunan Ekonomi Myanmar David Abel mempelawa sekumpulan pemberita yang menemui beliau semalam.

-- Bernama
AZZ OBA